



## KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<a href="#">Minister upholds rejection of Ranhill associate's feed-in approval</a>	The Edge Markets	Klik pada tajuk berita
2.	<a href="#">Power demand growth expected to be sustained in 2019</a>	The Edge Markets	Klik pada tajuk berita
3.	<a href="#">Gempa bumi lemah landa Ranau</a>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
4.	<a href="#">Minor quake hits Ranau</a>	Malaymail	Klik pada tajuk berita
5.	<a href="#">Siasatan penyelewengan baju bomba hampir selesai</a>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
6.	<a href="#">Apa nasib sungai pada 2019?</a>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 1

## TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
7.	<a href="#">New OnePlus 7 Could Finally Feature This Desirable Innovation</a>	Forbes	Klik pada tajuk berita
8.	<a href="#">Steam-Powered Asteroid Hopper Offers Revolutionary New Way To Explore Our Solar System</a>	Forbes	Klik pada tajuk berita
9.	<a href="#">Revised policy to cover entire automotive ecosystem, says minister</a>	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita
10.	<a href="#">NAP cakupi keseluruhan ekosistem automotif</a>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita

11.	<a href="#"><u>Wang digital kini dalam kawalan SC</u></a>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
12.	<a href="#"><u>Sandakan dilanda banjir kilat</u></a>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
13.	<a href="#"><u>Caj melibatkan isu sisa plastik diketahui dalam tempoh sebulan - Zuraida</u></a>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
14.	<a href="#"><u>Syarikat import sisa plastik bakal dikenakan cukai</u></a>	Kosmo	Klik pada tajuk berita
15.	<a href="#"><u>Syarikat import sisa plastik akan dikenakan cukai / Syarikat import sisa plastik kena fi, caj</u></a>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita atau Rujuk lampiran 2
16.	<a href="#"><u>Customs, immigration officers to be trained to identify plastic waste</u></a>	Free Malaysia Today	Klik pada tajuk berita
17.	<a href="#"><u>Putrajaya mulls heavier fines for illegal plastic waste companies, says Zuraida</u></a>	Malay mail	Klik pada tajuk berita
18.	<a href="#"><u>Minister: We need two years before waste segregation can be implemented nationwide</u></a>	Malay mail	Klik pada tajuk berita
19.	<a href="#"><u>MIMOS bentuk konsortium pacu inovasi AR/VR</u></a>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
20.	<a href="#"><u>TNB belanja RM1j bantu 5,000 murid / TNB belanja RM1j bantu pelajar</u></a>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita atau rujuk lampiran 3
21.	<a href="#"><u>Santai main angka</u></a>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita dan rujuk lampiran 4



## ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
22.	<a href="#"><u>3 asteroid besar lintasi Bumi hari ini</u></a>	Kosmo	Klik pada tajuk berita dan rujuk lampiran 5
23.	<a href="#"><u>Indonesia berdepan ancaman cuaca</u></a>	Kosmo	Rujuk lampiran 6
24.	<a href="#"><u>252b tan ais Antartika hilang setahun</u></a>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita dan rujuk lampiran 7
25.	<a href="#"><u>China starts new recycling drive as foreign trash ban widens</u></a>	The Edge Markets	Klik pada tajuk berita
26.	<a href="#"><u>Limitless opportunities for biometric innovation</u></a>	Open Access Government	Klik pada tajuk berita
27.	<a href="#"><u>UM professor co-authors report on the use of biotechnology in forests</u></a>	Eurekalert	Klik pada tajuk berita
28.	<a href="#"><u>VTT turn waste into biofuels and chemicals</u></a>	European Biotechnology	Klik pada tajuk berita
29.	<a href="#"><u>Artificial Intelligence (AI) in the Global Social Media Market - Growth, Trends and Forecast (2018-2023)</u></a>	Business Wire	Klik pada tajuk berita
30.	<a href="#"><u>What's New for Artificial Intelligence in 2019?</u></a>	Market Watch	Klik pada tajuk berita
31.	<a href="#"><u>CES 2019: Enter a world of artificial intelligence</u></a>	The Straits Times	Klik pada tajuk berita
32.	<a href="#"><u>Cottoning on: Chinese seed sprouts on moon</u></a>	The Borneo Post	Klik pada tajuk berita

LAMPIRAN 1  
 UTUSAN MALAYSIA (FORUM): MUKA SURAT 19  
 TARIKH: 16 JANUARI 2019 (RABU)

## Apa nasib sungai pada 2019?

### SAUDARA PENGARANG,

**PERMINTAAN** dan keperluan terhadap penggunaan air semakin bertambah tetapi bagaimana pula dengan nasib sungai? Jawapannya kita semua sudah tahu, sungai makin tenat dan nazak hasil daripada tangan-tangan manusia yang terus 'menyakitinya' setiap masa.

Peningkatan sungai tercemar bukan suatu rahsia, mengambil data daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 2008, sebanyak 58 peratus sungai dikategorikan sebagai bersih, 34 peratus sederhana dan hanya lapan peratus tercemar. Apabila dibandingkan pada 2017, peratusan sungai bersih dan sederhana hampir sama iaitu masing-masing berjumlah 46 dan 43 peratus. Penurunan status sungai bersih dan peningkatan sungai sederhana menatijahkan peratus sungai tercemar pada 2017 meningkat kepada 11 peratus!

Pada 2017, JAS melaporkan daripada 51 sungai berstatus tercemar, 24 daripadanya berada dalam Kelas III (air memerlukan rawatan intensif); 26 dalam Kelas IV (air hanya untuk tujuan pengairan dan kualiti sederhana) manakala satu sungai dalam Kelas V iaitu tercemar teruk. Ini satu dapatan data yang harus kita ambil serius dan bimbangkan



**ALIRAN** air Sungai Sompoo Beranang, Selangor kelihatan keruh kesan pencemaran akibat kegiatan korek pasir pada tahun lalu. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

kerana sampai bila jangka hayat sungai ini mampu bertahan.

JAS mengklasifikasikan pencemaran sungai berpunca akibat dua keadaan iaitu punca tetap dan punca tidak tetap. Punca tetap contohnya hasil pembuangan sisa toksik dan industri tidak dirawat; air sisa larut resap; sisa dari loji rawatan kumbahan dan pembuangan sisa minyak dari bengkel kenderaan.

Bagi punca tidak tetap ia boleh datang daripada penggunaan baja kimia atau racun serangga pertanian berlebihan; hakisan akibat kerja tanah tidak terkawal; pembuangan sisa oleh pihak tidak bertanggungjawab dan air larian permukaan dari kawasan

bandar.

Johor dan Pulau Pinang masing-masing di tangga teratas dalam carta sungai tercemar di negara kita dan kebanyakannya terletak dalam kawasan pembangunan pesat serta industri berat.

Cukuplah Sungai Tukang Batu di Johor menjadi satu-satunya sungai di Malaysia Kelas V iaitu tercemar teruk. Usah ditambah lagi bilangan sungai berstatus seperti ini pada masa hadapan.

Sungai adalah nikmat alam yang amat mahal dan tidak mampu ditebus dengan wang ringgit apabila sudah musnah. Cintailah sungai kita.

**MOHD. ZAINI OTHMAN**  
 Pegawai Tadbir USIM



LAMPIRAN 2  
BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 4  
TARIKH: 16 JANUARI 2019 (RABU)

## Syarikat import sisa plastik kena fi, caj

**Putrajaya:** Syarikat pengimport sisa plastik akan dikenakan bayaran fi bagi lesen, verifikasi serta caj bagi setiap tan sisa plastik yang mereka import.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata keputusan bagi kadar caj dan bayaran berkenaan akan diputuskan sebulan lagi.

"Selama ini sisa plastik yang diimport ke dalam negara tidak pernah dikenakan cukai, cuma kilang bayar lesen kepada pihak berkuasa tempatan (PBT), itu sahaja mereka bayar, tapi dari segi cukai import tidak ada.

"Jadi syarat baharu kita akan dikenakan bayaran fi untuk lesen, verifikasi dan caj kepada setiap tan yang diimport. Ketika ini kita dalam proses perundangan dan sebulan lagi kita akan tetapkan (kadar)," katanya selepas sesi taklimat bersama orang awam dan badan bukan kerajaan (NGO) di sini, semalam.

Beliau berkata, langkah ke-



Zuraida Kamaruddin

rajaan mengenakan syarat baharu itu bagi memberi pendapatan kepada negara dan pada masa sama pihaknya akan meneruskan semakan terhadap potensi perniagaan berkenaan.

"Sekiranya ia perniagaan yang baik dan bawa hasil kepada negara dan dipantau dengan baik serta syarikat mematuhi peraturan ditetapkan maka ini satu bidang yang boleh kita kembangkan.

"Namun saya harus tegaskan

bahawa plastik yang kita lihat berlambak, dibuang dan kotor itu bukan plastik yang kita bemarkan untuk diimport.

"Tapi saya tidak nafikan bahawa ada pihak (pengimport) yang tidak mengikut peraturan dan membuat pembohongan sewaktu mengisi borang Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

### Minta JKDM main peranan

"Jadi kita akan minta JKDM untuk mainkan peranan dengan pastikan plastik berkualiti sahaja yang boleh diimport dan kita mensyaratkan pemeriksaan 100 peratus kontena membawa sisa plastik ini," katanya.

Selain itu Zuraida berkata, menteriannya juga akan mengkaji semula denda RM300 yang dikenakan bagi kesalahan kilang plastik haram yang disifatkan terlalu rendah.

"Kesalahan pertama denda RM300 begitu juga denda untuk kesalahan kedua dan ketiga. Se-

dangkan keuntungan yang dijana kilang haram ini tinggi sampai ratusan ribu ringgit. Kita akan kaji akta supaya hukuman lebih berat dikenakan," katanya.

Sementara itu beliau berkata, pihaknya juga masih belum meluluskan sebarang pemberian lesen import (AP) bagi sisa plastik kepada mana-mana syarikat sejak ia dibekukan pada Julai tahun lalu.

"Selepas dibekukan dan permohonan untuk AP dibuka semula, hanya 19 syarikat memohon dan setakat ini kita sudah melawat 13 premis syarikat itu," katanya.

Dalam pada itu mengulas kebimbangan Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Prof Dr Ahmad Ismail berhubung isu negara ini mengimport sisa plastik termasuk dari negara maju, beliau berkata menteriannya akan mengkaji kesan sisa plastik import terhadap kesihatan manusia.

LAMPIRAN 3  
SINAR HARIAN (SENTRAL): MUKA SURAT 19  
TARIKH: 16 JANUARI 2019 (RABU)

## TNB belanja RM1j bantu pelajar

Melalui program 'Back To School 2019' di 30 lokasi

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR

Tenaga Nasional Berhad (TNB) membelanjakan RM1 juta bagi sumbangan kepada 5,000 murid sekolah dari 30 lokasi di Semenanjung dan Sabah menerusi Program 'Back To School' tahun ini.

Pengerusinya, Tan Sri Leo Moggie berkata, program kali ke enam itu menyediakan bantuan keperluan persekolahan bernilai RM200 setiap seorang dalam bentuk seperalihan pakaian seragam sekolah, beg dan alat tulis.

"Nilainya mungkin kecil untuk sesetengah keluarga

tetapi besar maknanya kepada ibu bapa penerima bantuan ini, khususnya yang mempunyai lebih daripada seorang anak yang masih bersekolah.

"Untuk tahun ini, 5,000 murid menerima kelengkapan sekolah, menjadikan lebih 30,000 penerima bantuan Back to School TNB sejak ia diperkenalkan pada 2013 dengan perbelanjaan sebanyak RM6.2 juta," katanya sempena Majlis Penyerahan Pakaian Persekolahan Sesi 2019, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, inisiatif itu adalah kesinambungan Program Tanggungjawab Korporat (CR) yang dilaksanakan sejajar dengan slogan TNB 'Better. Brighter.'

"Slogan ini membawa maksud kami menerangi kehidupan rakyat bukan sahaja dengan menyalurkan tenaga elektrik untuk pencahayaan,

tetapi juga melalui tiga bidang



Leo Moggie (empat, kanan) menyampaikan sumbangan kepada murid terlibat dalam majlis penyerahan Program Back To School, semalam.

utama program CR kami, iaitu bidang pendidikan, sosio-ekonomi (termasuk sukan) dan pemuliharaan alam sekitar.

"Bagi Program Back to School ini di harap dapat mendorong dan menyuntik semangat

anak-anak semua supaya terus berusaha gigih untuk berjaya dalam pelajaran masing-masing," katanya.

Pada majlis itu, seramai 400 murid dari Sekolah Kebangsaan Bangsar, Sekolah

Kebangsaan Bukit Bandaraya, Sekolah Kebangsaan Bukit Pantai, Sekolah Menengah Kebangsaan Bangsar, Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Bandaraya dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pan-

tai diraikan.

Leo Moggie berkata, meskipun bantuan Back to School itu dikhususkan untuk murid berumur tujuh hingga 12 tahun, di Lembah Pantai ini kelonggaran dibuat atas dasar kos sara hidup yang tinggi di kawasan bandar atau dalam kata lain wujudnya miskin bandar.

"Seramai 54 pelajar daripada tiga sekolah menengah ini juga menerima tajaan berjumlah RM1,500 setahun untuk tempoh tiga tahun (2018-2020) bagi menampung keperluan asas persekolahan dari tingkatan tiga hingga tingkatan lima menerusi program CR TNB iaitu program Bantuan Pendidikan B40.

"Setakat ini, lebih RM1 bilion telah dibelanjakan untuk manfaat lebih 11,000 pelajar menerusi demasiswa, biasiswa dan pinjaman boleh ubah," katanya.



LAMPIRAN 4  
 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 17  
 TARIKH: 16 JANUARI 2019 (RABU)

Redzuan Muharam  
 redzuan.muharam@  
 hmmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**"S**aya tahu ramai menganggap matematik sebagai satu subjek yang susah sedangkan bukan mustahil untuk sesiapa saja menguasainya.

"Malah, menjadi tanggungjawab saya sebagai pendidik untuk mengubah persepsi itu menerusi kaedah pengajaran lebih santai dan menyeronokkan," kata Ahli Matematik Australia, Eddie Woo.

Woo, 34, yang juga Ketua Guru Matematik di Sekolah Tinggi Cherrybrook Technology, Sydney, Australia mengakui matematik bukan mata pelajaran kegemarannya ketika di sekolah, malah cita-cita asalnya adalah menjadi guru subjek bertekanan kemanusiaan.

Namun, keinginannya untuk menjadi guru matematik timbul selepas menyedari keperluan mengisi kekosongan sebagai pendidik, sekali gus melahirkan generasi pelajar yang pakar dalam bidang berkenaan.

"Saya juga sama dengan segelintir pelajar ketika di sekolah dulu yang tidak menggemari matematik kerana rumit disebabkan perlu



**Santai main angka**

**Ahli Matematik Australia seilit elemen menarik elak pelajar bosan**

WOO menunjukkan kaedah terbaik mempelajari matematik kepada pelajar yang menyertai sesi interaksi dan perkongsian di The Discovery Centre, Petrosains, Menara Kembar Petronas, semalam.

menghafal formula bagi menyelesaikan masalah.

"Sedangkan, ia satu mata pelajaran menyeronokkan dan saya menyedarinya sejak mula berkhidmat sebagai guru lebih 10 tahun lalu.

"Setiap guru mempunyai cara tersendiri dan pendekatan saya ketika mengajar adalah bercerita supaya pe-

lajar tidak bosan serta paling penting faham dengan apa disampaikan," katanya selepas sesi interaksi dan perkongsian bersama 200 guru dan pelajar sekolah menengah di The Discovery Centre, Petrosains, Menara Kembar Petronas di sini, semalam.

Sesi itu dianjurkan Pesu-

ruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia dengan kerjasama Petrosains dalam usaha memberi kefahaman selain mendekatkan peserta terhadap pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Woo yang pernah memenangi Anugerah Hero Tempatan Australia tahun lalu

berkata, proses pengajaran dan pembelajaran matematik juga boleh bertambah menarik jika diselitkan dengan elemen menarik daripada subjek lain.

"Setiap silibus pembelajaran mempunyai hubung kait dengan satu sama lain, begitu juga dengan subjek matematik.

"Jadi, guru perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran dengan menyuntik elemen yang boleh menambah minat pelajar," katanya yang menggunakan platform YouTube untuk berkongsi ilmu matematik dan kini mempunyai lebih 495,000 pengikut di saluran berkenaan.

Sementara itu, Guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Cannaught, Nor Suzieana Ibrahim, 40, berkata, informasi dikongsi Woo bermanfaat dan digunakan untuk meningkatkan minat serta membantu pelajarannya menguasai matematik.

"Banyak input yang saya dapat menerusi penyertaan dalam sesi interaksi bersama Eddie hari ini (semalam) dan saya akan cuba mengaplikasikannya mengikut kesesuaian sebagai satu cara untuk mengelakkan pelajar bosan ketika sesi pengajaran dan pembelajaran.

"Lagipun, konsep itu amat membantu lebih-lebih bagi menyokong kaedah Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) yang memerlukan pelajar untuk membabitkan diri dengan aktif di dalam kelas.

"Malah, tidak semestinya di dalam kelas, tetapi diaplikasikan oleh kelab dan persatuan di sekolah," katanya yang bergelar pendidik sejak 16 tahun lalu.

**LAMPIRAN 5**  
**KOSMO (DUNIA): MUKA SURAT 42**  
**TARIKH: 16 JANUARI 2019 (RABU)**

## 3 asteroid besar lintasi Bumi hari ini

WASHINGTON - Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas Amerika Syarikat (NASA) semalam mengeluarkan amaran objek berhampiran Bumi selepas mengesan tiga asteroid bersaiz besar yang melintasi planet ini, hari ini.

Salah satu daripadanya dilaporkan sebesar menara condong Pisa di Itali dan boleh menyebabkan malapetaka jika menghentam Bumi.

Menurut NASA, asteroid pertama dikenali sebagai 2019 AT6 sebesar 17 meter (m) dan bergerak selaju 17,380 kilometer sejam (km/j)

melintasi Bumi pada kedudukan 3.2 juta kilometer (km) pada pukul 3.20 pagi (waktu tempatan).

Batu angkasa kedua, 2019 AM8 sebesar ikan paus biru meluncur melepasi Bumi dua kali ganda lebih laju daripada asteroid pertama iaitu pada kelajuan 40,555km/j, kira-kira pukul 4 petang dengan jarak 3.22 juta km atau lapan setengah kali jarak Bumi dan bulan.

Asteroid terakhir dikenali sebagai 2019 AG7 berdiameter 51m atau setinggi menara condong Pisa dijangka terbang melepasi planet

ini pada pukul 10.43 malam (waktu tempatan) dengan kelajuan 24,333km/j, kira-kira 1.53 juta km atau empat kali jarak Bumi dan bulan.

Sebanyak 12 objek berhampiran Bumi dijangka meluncur melepasi planet ini hingga hujung bulan ini.

NASA mengesahkan bahawa asteroid itu diklasifikasikan sebagai 'saiz kecil' dan tidak mengancam kehidupan di Bumi.

Menurut agensi itu, malapetaka global akan berlaku jika objek bersaiz lebih besar 1,000m menghentam permukaan Bumi. - Agensi



LAMPIRAN 6  
KOSMO (DUNIA): MUKA SURAT 43  
TARIKH: 16 JANUARI 2019 (RABU)

## Indonesia berdepan ancaman cuaca

JAKARTA - Badan Meteorologi Klimatologi dan Geofisika Indonesia (BMKG) mengeluarkan amaran awal kemungkinan kejadian cuaca buruk termasuk hujan lebat, angin kencang dan puting beliung sepanjang minggu ini.

Antara kawasan yang dilaporkan berdepan bencana cuaca termasuk hujan lebat dan angin kencang ialah Jawa Barat, Jawa Tengah, Sumatera Selatan, Kepulauan Bangka Belitung, Jambi, Kalimantan Tengah dan Papua.

"Kami menggesa agar orang ramai berwaspada di kawasan yang diramalkan mengalami keadaan hujan lebat," menurut jurucakap BMKG, Taufan Maulana kepada akhbar *The Jakarta Post*.

Pada Jumaat lalu, sekurang-kurangnya 16 orang cedera apabila puting beliung melanda perkampungan Jelegong di daerah Rancaekek, Bandung, Jawa Barat.

Badan Nasional Pengurusan Bencana Indonesia (BNPB) menyatakan sekurang-kurangnya 640 buah rumah rosak dan 82 keluarga terpaksa berlindung di pusat-pusat penempatan sementara.

BMKG, sebelum ini, melaporkan cuaca buruk di Jawa Barat seperti di Sumedang, Majalengka, Cianjur, Sukabumi, Bogor dan Garut.


Kejadian puting beliung pula pernah berlaku di Karanganyar, Cepu dan Boyolali di Jawa Tengah serta di Yogyakarta, menurut BNPB. - Agensi



SEORANG lelaki mendukung kanak-kanak di hadapan rumahnya yang musnah akibat dibadai puting beliung di Bandung, Indonesia pada Sabtu lalu.

ANTARA

LAMPIRAN 7  
 UTUSAN MALAYSIA (LUAR NEGARA): MUKA SURAT 44  
 TARIKH: 16 JANUARI 2019 (RABU)



**AISBERG yang terapung di Antartica's McMurdo Sound dirakamkan Pentadbiran Angkasa dan Aeronautik Negara (NASA) pada 29 November 2017. - AFP**

## 252b tan ais Antartika hilang setahun

■ WASHINGTON 15 JAN.

**P**EMANASAN global mencairkan ais di Antartika lebih cepat daripada sebelumnya, kira-kira enam kali ganda setahun berbanding tempoh 40 tahun lalu sekali gus membawa kepada peningkatan paras laut di seluruh dunia.

Menurut laporan Prosiding Akademi Kebangsaan Sains (PNAS), pencairan Antartika setakat ini menaikkan paras laut global lebih 1.4 sentimeter antara 1979 dan 2017.

Ketua kajian itu, Eric Rignot yang juga Pengerusi Sains Sistem Bumi di Universiti California, Irvine berkata, kadar pencairan tersebut dijangka akan

membawa peningkatan paras laut yang membinasakan pada masa hadapan.

"Lapisan ais Antartika terus mencair dan kita jangkakan kenaikan beberapa meter paras laut dari Antartika dalam tempoh beberapa abad yang akan datang," kata Rignot.

Kajian sebelum ini mengandaikan, paras air laut meningkat sehingga 1.8 meter menjelang 2100 dan menurut saintis, beberapa bandar di tepi pantai yang dihuni jutaan penduduk bakal dinaiki air.

Mengikuti kajian terkini, penyelidikan memulakan penilaian ais besar-besaran di Antartika di 18 wilayah geografi.

Secara purata sebanyak 40

bilion tan ais setahun hilang dari 1979 hingga 1990 manakala dari 2009-2017 pula menyaksikan peningkatan kepada 252 bilion tan setahun.

"Sektor 'The Wilkes Land' di Antartika Timur secara keseluruhannya menjadi subjek penting pencairan ais yang banyak sejak 1980-an lagi," kata Rignot.

Tambah Rignot, sektor itu berkemungkinan lebih sensitif kepada perubahan iklim dan amat penting untuk diketahui kerana mempunyai lebih banyak ais berbanding Antartika Barat dan Semenanjung Antartika.

Jumlah keseluruhan ais di Antartika, jika kesemuanya cair sudah cukup untuk meningkatkan paras laut sehingga 57 meter. - AFP